



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 19 TAHUN 2009

BAYARAN INSENTIF PENTADBIRAN HOSPITAL

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan menaikkan kadar Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital (BIPH).

LATAR BELAKANG

2. BIPH adalah dibayar kepada Pegawai Perubatan yang mempunyai kelulusan lepasan ijazah dalam bidang Pentadbiran Hospital dan menjalankan tugas dalam bidang tersebut. BIPH dilaksanakan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1994. Kadar Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital yang sedang berkuat kuasa adalah sebagaimana

ditetapkan di perenggan 4, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

PELAKSANAAN

3. Kadar baru BIPH adalah seperti berikut:

GRED	BIPH (RM Sebulan)	
	Kadar Semasa	Kadar Baru
Utama/ Khas C dan ke atas	1,680.00	2,480.00
UD53 dan UD54	1,540.00	2,240.00
UD51 dan UD52	1,280.00	2,000.00
UD47 dan UD48	1,190.00	1,760.00
UD43 dan UD44	980.00	1,520.00
UD41	910.00	1,280.00

SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

4. Syarat-syarat pembayaran BIPH adalah seperti berikut:

- 4.1 Pegawai memiliki kelulusan lepasan ijazah dalam bidang Pentadbiran Hospital yang diiktiraf oleh Kerajaan seperti senarai yang dikeluarkan oleh Unit Pengiktirafan Kelayakan, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dari semasa ke semasa;
- 4.2 Pegawai Perubatan yang tidak mempunyai kelulusan lepasan ijazah dalam bidang Pentadbiran Hospital tetapi telah menjalankan tugas sebagai Pengarah/ Penguasa Perubatan Hospital atau Pegawai Perubatan Yang Menjaga Hospital dan telah dibayar BIPH sebanyak RM250.00 berdasarkan surat Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA(S)81/8/5-2Klt.3/(69) bertarikh 14 September 1993, boleh terus

dibayar BIPH atas kadar tersebut selagi masih menjalankan tugas berkenaan. Pembayaran BIPH hendaklah diberhentikan apabila Pegawai Perubatan berkenaan ditukarkan ke jawatan lain yang tidak menjalankan tugas pentadbiran hospital;

- 4.3 BIPH boleh terus dibayar apabila seseorang pegawai bercuti bergaji penuh. Jika pegawai bercuti separuh gaji, maka pegawai hanya layak dibayar separuh daripada kadar BIPH yang ditetapkan. Selanjutnya, jika pegawai bercuti tanpa gaji, maka BIPH tidak layak dibayar;
- 4.4 Pegawai yang ditahan kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib dan dibenarkan menerima separuh atau sebahagian daripada gaji bulanannya, akan dibayar separuh atau sebahagian daripada kadar BIPH yang dilayaki mengikut peratusan yang sama dengan pengiraan gaji bulanannya, sebagaimana diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib; dan
- 4.5 Sekiranya pegawai dikenakan hukuman tatatertib supaya turun pangkat maka pegawai hanya layak dibayar BIPH mengikut kadar bayaran bagi pangkat yang diterima selepas diturunkan pangkat itu.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, syarat-syarat pembayaran dan kadar BIPH seperti dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1994 serta perenggan 4, Lampiran C8, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah **dibatalkan**.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling Perkhidmatan ini mula berkuat kuasa pada **1 Ogos 2009**.

PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

30 September 2009

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan